

D.R. 55/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Yayasan Labuan 2010.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Yayasan Labuan (Pindaan) 2024.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Yayasan Labuan 2010 [*Akta 706*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memotong takrif “harta Malaysia”; dan

(b) dalam takrif “pemastautin”, dengan menggantikan perkataan “menurut seksyen 43 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*]” dengan perkataan “menurut perenggan 214(6)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] dan perenggan 225(6)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*].”.

Pindaan seksyen 5

3. Subseksyen 5(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “apa-apa harta Malaysia” dengan perkataan “apa-apa harta yang terletak di Malaysia”.

Penggantian seksyen 6

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

“Benefisiari di bawah yayasan Labuan

6. Benefisiari bagi yayasan Labuan bolehlah seorang pemastautin atau bukan pemastautin.”.

Pindaan seksyen 9

5. Seksyen 9 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Setiausaha hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas pindaan piagam, memfaiklan dengan Lembaga suatu salinan piagam yang dipinda itu.”.

Pindaan seksyen 13

6. Seksyen 13 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Nama sesuatu yayasan Labuan hendaklah termasuk perkataan “Labuan Foundation”, “(L) Foundation”, “Yayasan Labuan” atau “Yayasan (L)” sebagai sebahagian nama yayasan Labuan itu.”.

Pindaan seksyen 20

7. Perenggan 20(1)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 68” dengan perkataan “seksyen 70”.

Bahagian baharu IV_A

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IV_A

PEMUNYAAN BENEFISIAL

Pemunya benefisial yayasan Labuan

24A. Dalam Akta ini, “pemunya benefisial” ertinya orang sebenar yang mengawal atau mendapat faedah daripada, secara keseluruhan atau sebahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, harta atau aset yang diberikan secara kekal kepada sesuatu yayasan Labuan dan termasuklah seseorang yang menjalankan kawalan dan pengaruh yang berkesan dalam suatu yayasan Labuan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Daftar pemunya benefisial yayasan Labuan

24B. (1) Tiap-tiap yayasan Labuan hendaklah menyimpan suatu daftar pemunya benefisial bagi yayasan Labuan dan merekodkan dalam daftar itu—

- (a) nama penuh, alamat, kewarganegaraan, pengenalan dan tempat kediaman biasa orang yang merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan itu;
- (b) tarikh orang itu menjadi seorang pemunya benefisial yayasan Labuan itu;
- (c) tarikh orang itu terhenti daripada menjadi pemunya benefisial yayasan Labuan itu; dan
- (d) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Daftar pemunya benefisial yayasan Labuan hendaklah disimpan di pejabat berdaftar yayasan Labuan itu.

(3) Setiausaha suatu yayasan Labuan hendaklah menyerahkan kepada Lembaga suatu notis tentang apa-apa perubahan kepada butir-butir dalam daftar pemunya benefisial yayasan Labuan itu.

(4) Apa-apa notis yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) hendaklah diserahkan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perubahan itu direkodkan dalam daftar pemunya benefisial yayasan Labuan itu.

(5) Setiausaha suatu yayasan Labuan hendaklah memegang maklumat orang sebenar yang telah direkodkan dalam daftar pemunya benefisial yayasan Labuan itu sebagai pemunya benefisial tetapi kemudiannya terhenti menjadi pemunya benefisial yayasan Labuan itu selama enam tahun dari tarikh orang sebenar itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(6) Suatu catatan yang berhubungan dengan orang sebenar yang terhenti menjadi pemunya benefisial yayasan Labuan di bawah subseksyen (5) hendaklah dikeluarkan daripada daftar pemunya benefisial yayasan Labuan itu selepas tamat tempoh enam tahun dari tarikh orang sebenar itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(7) Jika yayasan Labuan mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan atau tidak tepat kepada Lembaga di bawah seksyen ini, yayasan Labuan itu, setiausaha dan tiap-tiap pegawai yayasan Labuan itu yang ingkar melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(8) Lembaga hendaklah menentukan bentuk, cara dan takat maklumat yang perlu disimpan di bawah subseksyen (1) dan diserahkan di bawah subseksyen (3).

(9) Lembaga boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan yayasan Labuan untuk menyerahkan kepada Lembaga dalam suatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis, maklumat berhubung dengan pemunya benefisial yang disimpan oleh yayasan Labuan itu.

(10) Daftar pemunya benefisial suatu yayasan Labuan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan dalam daftar di bawah Akta ini.

(11) Lembaga boleh, berhubung dengan akses kepada daftar pemunya benefisial yayasan Labuan yang disimpan di pejabat berdaftar yayasan Labuan itu atau maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan kepada Lembaga, menentukan—

- (a) mana-mana orang yang boleh mengakses daftar pemunya benefisial yayasan Labuan atau maklumat pemunyaan benefisial;
- (b) cara dan terma dan syarat bagi mengakses daftar pemunya benefisial yayasan Labuan atau maklumat pemunyaan benefisial; dan
- (c) fi bagi pembekalan maklumat pemunyaan benefisial.

(12) Seksyen 71 Akta tidak terpakai jika penzahiran atau akses telah ditentukan oleh Lembaga di bawah subseksyen (11).

(13) Jika sesuatu yayasan Labuan tidak mematuhi subseksyen (1), (2), (3), (4), (5), (6) atau (9), yayasan Labuan, setiausaha dan tiap-tiap pegawai yayasan Labuan itu yang ingkar bolehlah dikenakan penalti pentadbiran.

Kuasa yayasan Labuan untuk menghendaki penzahiran maklumat pemunyaan benefisial

24c. (1) Suatu yayasan Labuan hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana pengasas, anggota majlis, pegawai, orang yang menyelia atau benefisiari yayasan Labuan itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk memaklumkan kepada yayasan Labuan sama ada pengasas, anggota majlis, pegawai, orang yang menyelia atau benefisiari yayasan Labuan itu merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan itu atau jika pengasas, anggota majlis, pegawai, orang yang menyelia atau benefisiari yayasan Labuan itu bukan pemunya benefisial yayasan Labuan itu, setakat yang mungkin

untuk berbuat demikian, untuk menunjukkan orang itu dengan nama dan dengan butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenal pasti sebagai pemunya benefisial yayasan Labuan itu; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 24B(1).

(2) Jika sesuatu yayasan Labuan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan itu, yayasan Labuan itu hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada dia merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan itu atau jika dia bukan pemunya benefisial yayasan Labuan itu, untuk menyatakan sama ada dia mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan itu dan untuk memberikan apa-apa butir-butir mengenai orang itu yang dalam pengetahuannya; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 24B(1).

(3) Jika suatu yayasan Labuan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana pengasas, anggota majlis, pegawai, orang yang menyelia atau benefisiari yayasan Labuan itu atau orang mengetahui identiti orang yang merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan itu, yayasan Labuan itu hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki pengasas, anggota majlis, pegawai, orang yang menyelia atau benefisiari yayasan Labuan itu atau orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada dia mengetahui, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain itu

merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan itu dan untuk memberikan apa-apa butir-butir orang itu yang dalam pengetahuannya; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 24B(1).

(4) Apabila suatu yayasan Labuan menerima maklumat daripada orang yang kepadanya notis itu diberikan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3), yayasan Labuan itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh maklumat itu diterima, merekodkan dalam daftar pemunya benefisial yayasan Labuan itu—

- (a) tarikh notis yang menghendaki maklumat itu telah dikeluarkan; dan
- (b) butir-butir maklumat yang diterima daripada orang itu.

(5) Jika suatu yayasan Labuan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perubahan telah berlaku terhadap butir-butir pemunya benefisial yayasan Labuan yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial yayasan Labuan itu, yayasan Labuan itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial yayasan Labuan itu—

- (a) untuk mengesahkan sama ada atau tidak perubahan itu telah berlaku; dan
- (b) jika perubahan itu telah berlaku—
- (i) untuk menyatakan tarikh perubahan itu; dan
- (ii) untuk memberikan butir-butir mengenai perubahan itu.

(6) Jika suatu yayasan Labuan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa butir-butir pemunya benefisial yayasan Labuan yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial yayasan Labuan mungkin tidak betul, yayasan Labuan itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial yayasan Labuan itu untuk mengesahkan sama ada butir-butir itu adalah betul, dan jika tidak, untuk memberikan butir-butir yang betul.

(7) Setiausaha yayasan Labuan hendaklah memastikan bahawa yayasan Labuan itu mematuhi obligasi di bawah seksyen ini.

(8) Jika sesuatu yayasan Labuan tidak mematuhi seksyen ini, yayasan Labuan itu, setiausaha dan tiap-tiap pegawai yayasan Labuan itu yang ingkar bolehlah dikenakan penalti pentadbiran.

Kewajipan pemunya benefisial yayasan Labuan untuk memberikan maklumat

24d. (1) Seseorang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan hendaklah dalam masa tiga puluh hari—

- (a) memberitahu yayasan Labuan itu bahawa dia merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan itu; dan
- (b) memberikan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Seseorang yang merupakan pemunya benefisial yayasan Labuan hendaklah, dalam masa tiga puluh hari, memberitahu yayasan Labuan itu mengenai apa-apa perubahan butir-butirnya dalam daftar pemunya benefisial yayasan Labuan itu.

(3) Seseorang yang terhenti menjadi pemunya benefisial yayasan Labuan hendaklah memberitahu yayasan Labuan itu, secepat yang dapat dilaksanakan, mengenai perubahan itu dengan menyatakan—

- (a) tarikh pemberhentian itu berlaku; dan
- (b) butir-butir pemberhentian itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi seksyen ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Obligasi yayasan Labuan untuk menyenggara dan menyimpan maklumat yang kemas kini

24E. (1) Sesuatu yayasan Labuan hendaklah menyenggara dan menyimpan butir-butir pemunyaan benefisial dalam daftar pemunya benefisial di bawah seksyen 24B yang dikemas kini dari semasa ke semasa.

(2) Setiausaha yayasan Labuan itu hendaklah memastikan yayasan Labuan itu mematuhi obligasi di bawah seksyen ini.

(3) Jika sesuatu yayasan Labuan tidak mematuhi seksyen ini, yayasan Labuan itu, setiausaha dan tiap-tiap pegawai yayasan Labuan itu yang ingkar bolehlah dikenakan penalti pentadbiran.

Kuasa Lembaga untuk menjalankan pemeriksaan terhadap daftar pemunya benefisial yayasan Labuan

24F. Lembaga boleh menjalankan pemeriksaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 28c Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 terhadap daftar pemunya benefisial yang disimpan oleh yayasan Labuan di bawah Bahagian ini.”.

Pindaan seksyen 42

9. Seksyen 42 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Jika yayasan Labuan itu tidak melantik seorang setiausaha gantian dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kuat kuasa pemberhentian menurut subseksyen (1), yayasan Labuan itu disifatkan telah dipotong daripada daftar yayasan Labuan.”.

Pindaan seksyen 44

10. Seksyen 44 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “di Labuan” perkataan “atau disampaikan melalui cara elektronik kepada alamat atau nombor yang diberikan oleh yayasan Labuan itu”; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “di Labuan” perkataan “atau disampaikan melalui cara elektronik kepada alamat atau nombor yang diberikan oleh yayasan Labuan itu”.

Pindaan seksyen 56

11. Akta ibu dipinda dalam subseksyen 56(1) dengan menggantikan perkataan “subseksyen 53(2)” dengan perkataan “subseksyen 55(2)”.

Pindaan seksyen 68

12. Akta ibu dipinda dalam subseksyen 68(1) dengan menggantikan perkataan “seksyen 65” dengan perkataan “seksyen 67”.

Pindaan seksyen 78

13. Akta ibu dipinda dalam subseksyen 78(3) dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Yayasan Labuan 2010 (“Akta 706”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memasukkan peruntukan baharu ke dalam Akta 706 yang berhubungan dengan rangka kerja pelaporan dan penzahiran maklumat pemunyaan benefisial.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas bagi Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 706.

Perenggan 2(a) bertujuan untuk memotong takrif “harta Malaysia”. Dengan pindaan ini, perkataan “apa-apa harta yang terletak di Malaysia” akan diperuntukkan dalam subseksyen 5(2) yang dicadangkan untuk menjelaskan bahawa harta Malaysia ialah apa-apa harta yang terletak di Malaysia.

- Perenggan 2(b)* bertujuan untuk meminda takrif “pemastautin”.
4. *Fasal 4* bertujuan untuk menggantikan seksyen 6 Akta 706 untuk memperuntukkan bahawa benefisiari bagi yayasan Labuan bolehlah seorang pemastautin atau bukan pemastautin.
 5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 706 dengan memperkenalkan kehendak baharu untuk memfailkan dengan Lembaga salinan pindaan kepada piagam yayasan Labuan dalam masa tiga puluh hari selepas piagam itu dipinda.
 6. *Fasal 6* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 13(1) Akta 706 bagi memperuntukkan bahawa nama sesuatu yayasan Labuan hendaklah termasuk perkataan “Labuan Foundation”, “(L) Foundation”, “Yayasan Labuan” atau “Yayasan (L)” sebagai sebahagian nama yayasan Labuan itu.
 7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 706 untuk meminda rujukan silang yang disebut dalam seksyen ini berhubung dengan pemotongan nama yayasan Labuan bagi ketidakpatuhan kepada kehendak untuk membayar fi tahunan bagi yayasan Labuan.
 8. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IVa yang berhubungan dengan pemunyaan benefisial suatu yayasan Labuan.

Seksyen 24a yang dicadangkan bertujuan untuk menetapkan kriteria asas untuk mengenal pasti pemunyaan benefisial suatu yayasan Labuan.

Seksyen 24b yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan obligasi untuk menyimpan daftar pemunyaan benefisial yayasan Labuan dan menyerahkan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan dengan Lembaga. Lembaga boleh mengarahkan yayasan Labuan untuk memberikan maklumat berhubung dengan pemunyaan benefisial yang disimpan oleh yayasan Labuan itu. Hanya orang yang ditentukan oleh Lembaga boleh mengakses daftar pemunyaan benefisial yayasan Labuan dan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan.

Seksyen 24c yang dicadangkan bertujuan untuk memberi yayasan Labuan kuasa untuk menghendaki penzahiran maklumat pemunyaan benefisial yayasan Labuan itu. Pindaan yang dicadangkan ini membolehkan yayasan Labuan itu untuk mendapatkan maklumat pemunyaan benefisialnya atau mengesahkan ketepatan maklumat itu daripada mana-mana orang yang yayasan Labuan itu mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai yang orang itu merupakan pemunyaan benefisial yayasan Labuan itu.

Seksyen 24D yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan kewajipan pemunya benefisial suatu yayasan Labuan. Dengan pindaan ini, pemunya benefisial yayasan Labuan itu mempunyai kewajipan untuk memberitahu yayasan Labuan apabila dia menjadi pemunya benefisial yayasan Labuan dan hendaklah memberitahu yayasan Labuan jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat pemunaian benefisial yayasan Labuan.

Seksyen 24E yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa suatu yayasan Labuan hendaklah menyenggara dan mengemas kini dari semasa ke semasa daftar pemunya benefisial. Seksyen 24E yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang setiausaha suatu yayasan Labuan hendaklah memastikan yayasan Labuan mematuhi seksyen yang dicadangkan tersebut.

Seksyen 24F yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menjalankan pemeriksaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 28c Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [Akta 545] terhadap daftar pemunya benefisial yayasan Labuan itu.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 706 untuk memperuntukkan bagi kehendak untuk melantik seorang setiausaha gantian suatu yayasan Labuan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberhentian bekas setiausaha kepada yayasan Labuan itu dan jika tidak, yayasan Labuan itu disifatkan dipotong daripada daftar.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 706 untuk memasukkan peruntukan yang berhubungan dengan penyampaian apa-apa proses atau dokumen melalui cara elektronik.

11. *Fasal 11* dan *12* bertujuan untuk meminda rujukan silang dalam seksyen 56 dan 68 Akta 706.

12. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 78 Akta 706 untuk menaikkan jumlah maksimum penalti pentadbiran daripada sepuluh ribu ringgit kepada lima puluh ribu ringgit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3354]